


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
02 OGOS 2016
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	PLATFORM TERBAIK BANTU USAHAWAN MUSLIMAH	2
UTUSAN MALAYSIA	JAGA KESELAMATAN, KESIHATAN DI TANAH SUCI	3
UTUSAN MALAYSIA	TEKSI LAUT ATASI KESESAKAN DI TAMBAK JOHOR	4



SINAR HARIAN

SH 218/16

Platform terbaik bantu usahawan Muslimah

PASIRGUDANG—Persatuan Usahawan Muslimah Johor merupakan platform terbaik membantu Muslimah luar bandar menceburi bidang keusahawanan.

Pengasas dan Pengerusi Persatuan Usahawan Muslimah Johor, Rozita Mohd Sanusi berkata, skopnya lebih ke arah seminar dan latihan secara percuma selain menyediakan gerai jualan melalui penganjuran program untuk promosi serta pasaran produk yang dihasilkan.

Menurutnya, kebanyakan usahawan Muslimah digalakkan bersatu dan bergerak melalui program dalam berdepan persaingan.

“Nak bersaing dalam perniagaan ini agak mencabar, jadi saya suruh mereka bersatu mengumpul produk yang dihasilkan dan bergerak melalui program anjuran bersama dengan bantuan beberapa agensi kerajaan.

“Pada Ramadan lepas, kita kumpulkan produk Muslimah untuk dijual dalam bentuk

hamper sehingga 200 unit,” katanya kepada pemberita selepas Bengkel Usahawan Muslimah, di sini, semalam.

Rozita berkata, golongan Muslimah terutamanya ibu tunggal dan kurang berkemampuan digalakkan menyertai program anjuran Persatuan Usahawan Muslimah Johor ini.

Menurutnya, sepanjang dua tahun ditubuhkan, pihaknya cuba mengetengahkan semangat, laluan pasaran produk

dan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) secara percuma.

“Kita mahu golongan seperti ibu tunggal jangan mudah patah semangat, sebaliknya terus berusaha menjana pendapatan sendiri,” katanya.

Katanya, lebih kurang 50 Muslimah di sekitar Pasir Gudang menyertai bengkel anjuran Yayasan Pasir Gudang ini, semalam untuk menzahirkan seminar serta kemahiran kraf tangan secara percuma.



Rozita (tengah) melihat hasil kraf tangan yang dihasilkan peserta Bengkel Usahawan Muslimah, semalam.



UTUSAN MALAYSIA

22 JOHOR

02.08.16	SUBUH	SYURUK 2
Waktu Solat	J. BAHRU	5:46 7:06
	PONTIAN	5:48 7:07
	K. TINGGI	5:46 7:06
	MERSING	5:46 7:06



MOHAMED KHALED NORDIN (dua dari kiri) bersalam dan beramah mesra dengan bakal haji sewaktu merasmikan Kursus Perdana Haji Negeri Johor 2016 di Stadium Tertutup MPPG, Johor Bahru, baru-baru ini. - UTUSAN/BAAZLAN IBRAHIM

UM 2/8/16

Jaga keselamatan, kesihatan di Tanah Suci

Oleh ZULHISHAM ISAHAK
utusanjohor@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 1 OGOS

SERAMAI 2,700 jemaah haji negeri ini yang akan berlepas secara berperingkat-peringkat bermula Khamis ini diingatkan menjaga kesihatan dan keselamatan sepanjang di Tanah Suci.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berpesan, mereka juga perlu mengawal diri dan berdisiplin untuk memastikan semua urusan serta ibadah tersebut berjalan lancar.

"Apa yang lebih penting, jaga lah hubungan sesama manusia. Jangan hanya kerana kita berada di Tanah Suci menjadi tetamu Allah maka kita terluha bahawa kita ini kerdil, kita terluha menjaga hubungan kita sesama manusia."

"Jangan kita terlalu mengikut

perasaan atau mengasari sesiapa. Ingatlah betapa segala kesukaran dan ketidakselesaan yang mungkin tuan-tuan akan hadapi hanyalah sebahagian kecil daripada dugaan menjadi tetamu besar Allah SWT," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permas berkata demikian semasa berucap merasmikan Kursus Perdana Haji Peringkat Negeri Johor di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), dekat sini baru-baru ini.

Mohamed Khaled berkata, mereka perlu mengikut arahan petugas Tabung Haji dengan tekun dan sabar dari semasa ke semasa selain persiapan mental, fizikal dan spiritual juga harus dilakukan daripada sekarang.

Beliau juga meminta mereka melupakan sementara segala urusan kerja, urusan keluarga atau

urusan dunia yang tidak penting sebaliknya menghayati serta memberikan sepenuh perhatian menunaikan rukun Islam kelima itu.

Menurutnya, tidak semua umat Islam berpeluang ke Tanah Suci walaupun seseorang itu kaya raya, berpangkat atau berkedudukan tetapi selagi tidak dijemput Allah menjadi tetamu-Nya, mereka tidak akan berpeluang ke sana.

"Tidak kiralah siapa pun kita, sekaya atau sefakir mana, berketurunan hamba atau anak raja, berpangkat atau tidak bekerja. Kesemuanya harus menyangunkan telekung dan ihram yang sama warnanya."

"Tiada perbezaan dan tiada pengecualian. Puth kesemuanya. Jadi ibadah haji ini mengajar tentang persaudaraan dan kesamarataan. Tentang nilai kebersamaan," tegas beliau.



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA

SELASA • 02.08.2016

SUARA RAKYAT JOHOR

UM 2/8/16

Teksi Laut atasi kesesakan di Tambak Johor

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
 utusan.johor@gmail.com

KERAJAAN negeri baru-baru ini bercadang mewujudkan pengangkutan Terminal Teksi Laut yang menghubungkan Johor dan Singapura bagi merungkai kesesakan trafik di Tambak Johor ketika ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang mengumumkan cadangan itu berkata, teksi air tersebut dirancang operasinya dari satu terminal di Kong Kong, Pasir Gudang ke



Changi, Singapura.

"Teksi air ini akan menghubungkan sebelah timur Johor ke Changi dalam tempoh 20 minit. Pada masa kini penduduk di timur Johor terpaksa melalui satu laluan yang jauh untuk sampai ke Singapura.

"Selain teksi air, cadangan

penggunaan feri yang membawa kenderaan juga turut dipertimbangkan dan perkara ini akan dibawa kepada pertimbangan peringkat Kerajaan Pusat," katanya ditemui media baru-baru ini.

Cadangan itu tepat pada masanya. Difahamkan akan dilaksanakan tahun depan selepas Kerajaan Pusat bersetuju sekali gus menjadi satu alternatif untuk pengangkutan awam dari tanah besar ke negara kepulauan tersebut.

Kewujudan teksi air itu juga akan menjadi satu tarikan pelan-

cong di negeri ini dan sekiranya berkesan serta ekonomik wajar diperluaskan operasinya ke lokasi strategik lain di republik tersebut.

Bagaimanapun, caj yang dikenakan haruslah 'mesra pelanggan' dan tidak membebankan supaya semua pihak mampu menggunakannya serta menjadikannya pilihan utama kerana mudah serta cepat.

Pengangkutan itu bukan asing di Johor Bahru kerana ketika ini terdapat perkhidmatan feri dari Terminal Stulang Laut ke Batam, Sekupang Tanjung Balai dan Tan-

jung Pinang di Indonesia.

Bagi mempromosikan pengangkutan itu, pengusaha pelancongan di negeri ini perlu bekerjasama dengan pihak pengurusan jeti tersebut termasuk mewujudkan pakej pelancongan yang sesuai dan menarik.

Tidak mustahil teksi air akan menjadi tarikan baharu dan bakal menyuraukan aliran trafik di Tambak Johor dan Lebuh raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) serta dalam masa sama menjadi pintu masuk ketiga terpenting.

